

# Melayu sia-sia hak pilih pemimpin

## SPR harus laksana kaedah pengundi layak didaftar secara automatik



### Meniti Arus

Bersama

#### Abdul Rahman Sulaiman

**U**MUMNYA, Melayu mempunyai minat mendalam terhadap politik berbanding kaum lain di negara ini. Seseorang hanya perlu mendengar topik perbualan di kedai kopi, surau, kantin pejabat atau di tempat awam lain untuk mengetahui betapa intimnya orang Melayu dengan politik.

Malangnya, minat Melayu yang mendalam terhadap politik ini tidak pula konsisten dengan kesediaan mereka melaksanakan tanggungjawab politik yang diamanahkan iaitu sebagai pengundi yang sepatutnya dilaksanakan dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia pada setiap kali pilihan raya.

Ada orang menyebut tanggungjawab itu sebagai hak. Kalau demikian halnya, sebahagian rakyat negara ini - kebanyakan mereka Melayu - sudah membazirkan hak yang diberikan oleh Perlembagaan kepada mereka setiap kali tiba pilihan raya.

Perlembagaan membolehkan setiap warga negara berumur 21 tahun ke atas mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai pemilih. Selepas menjadi pemilih berdaftar, mereka diberikan hak untuk mengundi mana-mana parti politik atau calon pilihan mereka ketika pilihan raya.

Kalau pilihan raya itu pilihan raya umum sama ada pada peringkat persekutuan atau negeri, mereka yang mengun-

di itu sebenarnya memilih kerajaan untuk mentadbir negara atau negeri bagi tempoh tertentu (biasanya lima tahun) sehingga pilihan raya akan datang.

Begitulah besarnya tanggungjawab atau hak yang diberikan kepada rakyat dalam sebuah sistem demokrasi.

Ironisnya, selepas hampir 50 tahun negara mencapai kemerdekaan dan sesudah 11 kali pilihan raya umum diadakan, masih ramai mengambil sikap acuh tak acuh atau sengaja mengabaikan tanggungjawab memilih kerajaan.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abd Rahman, berkata kini ada kira-kira 4.5 juta penduduk Malaysia yang layak mengundi belum mendaftar sebagai pemilih. Lebih 70 peratus daripada mereka Melayu. Kecenderungan tidak mendaftar ini dikatakan semakin meningkat.

Rashid berkata, untuk menarik golongan ini supaya mendaftar, pihaknya sedang memikirkan pelbagai insentif termasuk menawarkan hadiah bulanan lumayan seperti yang pernah dibuat Jabatan Pendaftaran Negara untuk menggalakkan orang ramai menukar kad pengenalan lama kepada yang baru.

Punca sebenar golongan ini gagal mendaftar tiada siapa tahu. Antara andaian yang pernah dikemukakan sebelum ini termasuklah malu kerana umur yang lewat terutama di kalangan wanita belum beresmi, tidak tahu cara atau tempat untuk mendaftar, tiada masa kerana sentiasa sibuk atau malas.

Apa saja alasan yang diberikan untuk mewajarkan kegagalan mendaftar sebagai pemilih di Malaysia tidak boleh diterima. Seperti dijelaskan tadi, perkara ini bukan baru.

Negara sudah merdeka hampir 50 tahun

dan sudah melalui proses pilihan raya sebanyak 11 kali dengan kempen pilihan raya dulu menerusi rapat umum dan kini ceramah kecil-kecilan serta kunjungan dari rumah ke rumah.

Adalah mustahil untuk sesiapa saja di negara ini terlindung daripada proses pilihan raya dan perkara berkaitan dengannya. Tambahan pula SPR sering mengadakan kempen menggalakkan orang ramai mendaftar. Cara untuk mendaftar juga sudah dipermudahkan. Seseorang hanya perlu mengisi borang yang mudah dan menyerahkannya sendiri kepada pegawai SPR atau ejen pada bila-bila masa sepanjang tahun.

Pendaftaran bermusim atau menerusi orang tengah seperti yang pernah diamalkan pada satu masa dulu sudah dihentikan untuk mengelakkan penipuan.



Ini termasuk pendaftaran pengundi hantu seperti pernah dihebohkan pada satu masa dulu.

Secara logiknya memang tiada siapa patut tercicir daripada mendaftar. Namun, hakikat yang berlaku adalah sebaliknya. Menurut laporan media baru-baru ini lebih 660,000 ahli Umno belum mendaftar sebagai pemilih. Bilangan anggota parti lain juga mungkin ramai. Dari satu segi, perkara ini adalah sesuatu yang amat memalukan dan mendukacitakan.

Tiada gunanya bertegang leher di kedai kopi atau tempat awam atau memamerkan *posting* yang berdegar-degar di pelbagai laman blog kalau kebebasan bersuara mutlak yang diberikan menerusi peti undi tidak digunakan dengan sempurna.

Kalau trend ini berterusan, tidak mustahil satu masa nanti kerajaan yang dipilih tidak lagi mewakili majoriti penduduk negara ini. Kalau ini berlaku, ia amat malang bagi sistem demokrasi di Malaysia.

Untuk mengelakkan kemungkinan ini, kerajaan sendiri harus mula memikirkan kaedah lain untuk membolehkan rakyat yang layak mengundi, keluar mengundi setiap kali pilihan raya.

Antara kaedah yang boleh ditimbangkan untuk dilaksanakan pada masa akan datang ialah mewajibkan pendaftaran bagi setiap warga negara yang mencapai umur 21 tahun atau pendaftaran dibuat secara automatik berdasarkan tarikh lahir dan alamat tetap warga terbabit.

Masalah ini nampaknya semakin serius, pendekatan untuk mengatasinya juga perlu drastik.

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara. Emel: rahmansulaiman@yahoo.com